"I also used to have Japanese tourists coming to my orchard and they are quite fond of it," he added.



30 AUG, 2021

Fama looking into exporting frozen pomelo pulp

The Star (Metro North), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ivanloh@thestar.com.my FROZEN Tambun pomelo pulp may one day be exported to China, if a plan by Perak Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) works. Perak Fama director Noorsham Ramly said he had suggested to pomelo growers to experiment freezing the fruit to see if it was feasible. "If we can freeze the pomelo pulp, it would be easier to bring the fruit to other countries, similar to frozen durian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	HARAKAH	UTARA	H18

Jangan lulus projek yang tidak bermanfaat

KANGAR: Kerajaan diingatkan agar tidak meluluskan projek yang tidak bermanfaat untuk mengelak berlakunya pembaziran.

Ustaz Mohd Ridzuan Hashim (Gua Sanji – PAS) berkata, kejadian Mei lalu menyebabkan petani yang menjalankan penanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengalami kerugian selepas benih padi yang ditabur musnah.

Perkara itu katanya disebabkan petak sawah ditakung air akibat kegagalan laluan air Sungai Bakong untuk mengalir sempurna.

Projek pembinaanampang rendah di Denai Larian Sungai Perlis, Pengkalan Asam di sini menyebabkan aliran sungai tidak dapat berjalan dengan baik apabila hujan turun tanpa henti.

“Air yang bergenang itu menenggelamkan petak sawah sehingga menjejaskan

kan mata pencarian petani yang menjalankan aktiviti pertanian itu di Kampung Sena dan Kampung Sungai Bakong.

“Ia juga turut terjejas sawah kendalian MADA di Alor Banat, Kampung Teluk, Kampung Seri Gelam, Kampung Bakong dan Kampung Sena,” ujar beliau ketika sesi perbincangan menjunjung Titah Tuanku Sultan pada Sidang Dun 25 Ogos lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	HARAKAH	UTARA	H17

Pekebun sayuran pasangan mualaf diberi bantuan

ARAU: Pandemik Covid-19 memaksa segelintir pengusaha kedai makan menutup gerai dan beralih kepada bidang lain demi kelangsungan hidup.

Begitulah yang berlaku kepada sepasang suami isteri mualaf, Adam Yusof Khoo, 41, bersama isteri Zaiton Abdullah, 53, terpaksa menutup premisnya dengan memberi fokus kepada penanaman sayuran.



Pasangan mualaf menanam sayur menerima sumbangan.

“Perniagaan tidak bera- pa bagus menyebabkan sa- ya terpaksa mencari jalan lain untuk meneruskan kehidupan bersama isteri,” kata beliau.

Mereka mendapat tawa- ran dari sebuah badan bu- kan kerajaan (NGO) yang menyewa sebidang tanah untuk diusahakan.

Menurut isterinya yang le- bih selesa dipanggil Kak Ton, pihaknya merancang untuk menanam sayur- sayuran seperti bayam, cili, kang- kung, terung dan jagung.

“Tanaman sa- yur lebih mudah memandangkan tempoh untuk mendapat hasil- nya lebih singkat, lebih kurang dua atau tiga minggu sudah boleh di- tuai,” katanya.

Pasangan mualaf ini juga menerima waqaf mesin gembur tanah yang berhar- ga RM1,820 dan peralatan pertanian yang disumbang oleh NGO Pertubuhan Ko- muniti Prihatin Simpang Empat (PRISA) dengan ker-jasama Jentera Pilihan Raya Dun (Jprd) berkenaan.

Pengerusi PRISA, Razali Saad ketika ditemui berka- ta, pihaknya akan berbin- cang bersama Lembaga Pertanian (MADA) untuk mendapat bantuan perta- nian membantu pasangan suami isteri tersebut.

Justeru itu PRISA meng- alu-alukan sumbangan orang ramai untuk memban- tu NGO berkenaan menerus- kan usaha kebajikan.

Sumbangan boleh disa- lurkan ke nombor akaun 1101644950 (Bank Rakyat) atau menghubungi pihak beliau di talian 019 - 4423583.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Covid-19: Terengganu bantu nelayan, petani dan penternak



Foto daripada Facebook Dr Azman Ibrahim.

MARANG: Kerajaan Terengganu telah menyalurkan RM45,000 untuk 90 nelayan, petani dan penternak positif Covid-19 bagi meringankan beban kewangan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu Dr Azman Ibrahim berkata kesemua mereka menerima bantuan tunai RM500 secara sekali bayar atau *one-off*.

"Senarai ini (nelayan, petani dan penternak) kita peroleh daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Pertubuhan Peladang setakat Jun 2021.

"Sumbangan telah diserahkan melalui program bersama komuniti nelayan, penternak dan petani di daerah yang terlibat secara berperingkat serta bantuan kewangan itu diharap dapat memberi kelegaan buat mereka yang tidak boleh keluar mencari rezeki sepanjang tempoh kuarantin," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program penyerahan lesen sampan nelayan, bantuan *touch point* (peralatan menangkap ikan), bantuan Covid-19 dan bakul makanan secara pandu lalu kepada 42 nelayan Marang di Pangkalan Merchang di sini hari ini.



Setakat ini seramai 80 nelayan, petani dan penternak di Besut, Setiu, Kuala Nerus dan Marang telah menerima bantuan tersebut manakala mereka di daerah Dungun dan Hulu Terengganu akan menikmati bantuan sama dalam masa terdekat.

Mengulas rungutan pengusaha keropok keping di Terengganu mengenai kekurangan stok isi ikan yang berlaku ketika ini, Dr Azman berkata pihaknya akan mencari punca sebenar permasalahan itu.

"Memang kita ada terima rungutan ini, kita akan tengok beberapa sumber bekalan sebab biasanya stok isi ikan ini dibawa dari negeri lain dan bukan di Terengganu. Kebanyakan ikan di sini dijual dalam bentuk ikan segar dan bukan dibuat palet.

"Untuk stok isi ikan, kita akan tengok isu ini secara menyeluruh bersama Jabatan Perikanan untuk tahu di mana punca dan masalah hingga bekalan tak sampai. Semua daerah di Terengganu memang terlibat dengan industri keropok kecuali Hulu Terengganu," katanya. — BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	27

Lulus RM1.3 juta lahir usahawan tani muda

Pasir Puteh: Kerajaan negeri Kelantan meluluskan peruntukan lebih RM1.3 juta untuk membangunkan sektor pertanian khusus bagi melahirkan usahawan tani dalam kalangan anak muda, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, seramai 50 peserta dipilih sebagai projek permulaan sebelum dikembangkan secara lebih meluas.

“Projek itu membabitkan 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun),” katanya ketika ditemui selepas kempen Semarak Jalur Gemilang peringkat Dun Selising di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(Adun) Selising berkata, kerajaan negeri akan membantu mereka dengan menyalurkan peruntukan lebih RM20,000 kepada setiap peserta yang terpilih untuk mengusahakan tanaman jangka pendek menerusi sistem fertigasi.

“Mereka sudah dilatih dengan menggunakan kaedah pertanian moden dan mengadakan ladang kontrak dengan Lembaga Pemasarkan Pertanian Persekutuan (Fama),” katanya.

Mengenai pelantikan Ahli Parlimen Pasir Puteh sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Mohamad Zawawi Salleh beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan beliau untuk melaksanakan projek pertanian berskala besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	THE SUN	NEWS	2
WITHOUT BORDERS			

Move to attract graduates to agriculture sector

PASIR PUTEH: Incoming Agriculture and Food Industry Deputy Minister II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh is on a mission to attract young people, especially graduates, to venture into the field of modern agriculture.

The Pasir Puteh member of Parliament is among the 31 ministers and 38 deputy ministers in the new Cabinet.

Nik Muhammad Zawawi said apart from generating income, graduates could also develop the country's agricultural sector using their knowledge.

The time has come for them to change their mindsets, perpetuated by previous generations who only aspired to work in the government sector after they completed their studies. He added that the government is providing vast opportunities to generate income through this sector, Bernama reported.

Nik Muhammad Zawawi said young people should also emulate farmers in developed countries such as the United States, who earn lucrative incomes by cultivating crops commercially.

He said Malaysia has an abundance of opportunities that young people could explore such as working on idle land in states such as Kelantan, Terengganu and Pahang to cultivate various short-term crops.

Nik Muhammad Zawawi said he is also committed to boosting food production to reduce dependency on imports that cost billions of ringgit every year.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	3

Marang: Kerajaan Terengganu menyalurkan RM45,000 untuk 90 nelayan, petani dan penternak yang positif Covid-19 bagi meringankan beban kewangan mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu Dr Azman Ibrahim berkata, kesemua mereka menerima bantuan tunai RM500 secara sekali bayar atau *one-off*.

"Senarai ini (nelayan, petani dan penternak) kita peroleh daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Pertubuhan Peladang setakat Jun 2021.

"Sumbangan sudah diserah melalui program bersama komuniti nelayan, penternak dan petani di daerah yang terlibat secara berperingkat serta bantuan kewangan itu diharap dapat memberi kelegaan buat mereka yang tidak boleh keluar mencari rezeki sepanjang tempoh kuarantin," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program penyerahan lesen sampan nelayan, bantuan *touch point* (peralatan menangkap ikan),

Nelayan, petani serta penternak positif Covid-19 terima bantuan



Bantuan kewangan itu diharap dapat memberi kelegaan buat mereka yang tidak boleh keluar mencari rezeki sepanjang tempoh kuarantin"

Dr Azman Ibrahim

bantuan Covid-19 dan bakul makanan secara pandu lalu kepada 42 nelayan Marang di Pangkalan Merchang di sini, semalam.

Setakat ini seramai 80 nelayan, petani dan penternak di Besut, Setiu, Kuala Nerus dan Marang sudah menerima bantuan tersebut manakala mereka di daerah Dungun dan Hulu Terengganu akan menikmati bantuan sama da-

lam masa terdekat.

Mengulas rungutan pengusaha keropok keping di Terengganu mengenai kekurangan stok isi ikan yang berlaku ketika ini, Dr Azman berkata pihaknya akan mencari punca sebenar permasalahan itu.

"Memang kita ada terima rungutan ini, kita akan tengok beberapa sumber bekalan sebab biasanya stok isi ikan ini dibawa dari negeri lain dan bukan di Terengganu. Kebanyakan ikan di sini dijual dalam bentuk ikan segar dan bukan dibuat pallet.

"Untuk stok isi ikan, kita akan tengok isu ini secara menyeluruh bersama Jabatan Perikanan untuk tahu di mana punca dan masalah hingga bekalan tak sampai. Semua daerah di Terengganu memang terlibat dengan industri keropok kecuali Hulu Terengganu," katanya. +

MMT jenama produk ikon pertanian Terengganu - Dr Azman

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KUALA TERENGGANU: Tanaman Melon Manis Terengganu (MMT) merupakan produk yang dijenamakan sebagai ikon pertanian negeri Terengganu setanding dengan 'harum manis' yang terdapat di Perlis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, buah Melon Manis Terengganu menjadi identiti bagi negeri ini yang tidak terdapat di negeri lain.

Ini kerana, katanya, penanaman MMT dikawal dengan keadaan tertentu bagi mengekalkan kualiti produk tersebut yang tidak terdapat di negeri-negeri lain kecuali Terengganu.

"Program ini untuk memperkasakan tanaman Melon Manis Terengganu (MMT). Ini produk yang dijenamakan untuk negeri Terengganu. Buah yang menjadi identiti bagi negeri ini. Dia (MMT) tidak ada di negeri lain kecuali di negeri ini sahaja."

"Sebab itu, dari segi pe-

nanaman MMT memang kita kontrol (kawal) dengan keadaan tertentu antaranya, kita perlu tanam di bawah SPH (Struktur Pelindung Hujan) supaya kita boleh jaga kualitinya dan untuk satu pokok hanyalah sebiji buah yang kita kekalkan, supaya dapat kekalkan selz premium antara 1.5 kilogram hingga 2.0 kilogram sebiji.

"Dengan peruntukan dari kerajaan negeri (Terengganu) sebanyak RM250,000 itu, kita bagi (agih) input dalam pelbagai bentuk seperti baja, sistem pengairan, racun, 'coco-peat' benih dan beberapa input lain berdasarkan kepada keperluan petani kita.

"Ini yang melibatkan peruntukan daripada kerajaan negeri, dengan harapan bantuan itu boleh membantu untuk kita memperkasakan lagi tanaman Melon Manis Terengganu," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyerahan Input bagi Mempertaskan Melon Manis Terengganu di Pusat Pengumpulan Hasil Taman Kelak Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong, Manir, 22 Ogos lalu.



Exco Pertanian, Dr Azman menandatangani plak sempena Lawatan Kerja ke TKPM Peradong, Manir.

Menurutnya, setakat ini seramai 47 orang penanam MMT di seluruh negeri Terengganu dari daerah Besut hingga ke Kemaman, yang mengusahakan tanaman secara berterusan sebanyak empat pusingan setahun.

Justeru itu, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi itu, Terengganu berjaya mengeluarkan hasil tanaman MMT sebanyak hampir 500 metrik tan setahun selama empat pusingannya.

"Pasarananya, Alhamdulillah mencukupi terutamanya bila MMT ini sebahagian besarnya kebun-kebun mempunyai sijil myGAP (Malaysian Good Agricultural Practice).

Bila ada sijil itu, kita mampu menembusi pasaran dan pasaraya-pasaraya yang ternama.

"Kita tekankan dari segi 'packaging' supaya barang yang kita jual ini bernilai dan dibungkus dengan cara yang sepatutnya. Alhamdulillah, kita telah menembusi pasaran Singapura dan negara-negara yang lebih jauh daripada Malaysia," jelasnya.

Menurut beliau, produk yang dihasilkan MMT ini mempunyai potensi ekonomi sangat tinggi dan pasaran juga tiada masalah serta dapat mengekalkan harga yang stabil.

Sehubungan itu, katanya



Zulkapli Osman menjelaskan sesuatu tentang produk MMT kepada Dr Azman (tengah).

tidak timbul isu lambakan buah kerana permintaan terhadap MMT masih lagi mengatasi kapasiti pengeluaran produk berkenaan.

"Sebab itu, kita hendak sasarkan dari segi untuk meningkatkan pengeluaran ini seberapa yang kita mampu. Cumananya, satu kekangan kita kerana MMT ini tidak boleh tanam secara terbuka seperti atas tanah. Jika kita tanam secara terbuka dia tidak akan dapat menghasilkan buah mengikut gred."

"Kita hendak jaga sunggu-
gu buah kita ini dari segi

kualiti gred, sehingga seponok pokok itu hanyalah sebiji buah yang kita kekalkan. Jika kita simpan lebih daripada sebiji, dia akan jadi kecil dan tidak menepati kualiti buah yang kita mahukan," tegasnya yang turut diibadiri Timbalan Pengarah Pertanian Terengganu, Zulkapli Amin Mat Jusoh @ Yusof.

Menurutnya, atas inisiatif pengusaha-pengusaha tanaman MMT bagi meningkatkan jualan produk berkenaan termasuk melalui pembelian secara atas talian atau 'online'.

Kerajaan mahu haramkan penjualan telur penyui

Enakmen Penyui Negeri Terengganu 1951 (Pindaan 1987)

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu sekali lagi akan membuat pindaan kepada Enakmen Penyui Negeri Terengganu 1951 (Pindaan 1987) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu ketika pembentangan Belanjawan Terengganu (Bajet) 2022, bulan November tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, semakan terakhir terhadap akta itu pernah dibuat pada tahun 1987 dan telah dibincangkan dengan Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu.

Katanya, pindaan itu amat perlu sebagai langkah pencegahan serta pemuliharaan spesies penyui daripada dibunuh, diganggu dan sebagainya.

"Kita (kerajaan) jangka pada Persidangan DUN Terengganu bulan depan (September) ini kita akan



Dr Azman, buat pindaan Enakmen Penyui Negeri Terengganu 1951 (Pindaan 1987) di Sidang DUN Terengganu.

bawa bincang. Saya telah berbincang dengan Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu dan kita diberi jaminan akan dibuat pindaan kepada Akta (Enakmen) Pemuliharaan Penyui Negeri Terengganu 1951. Kali terakhir kita buat pindaan itu pada tahun 1987 dan akan jadi pindaan 2021.

"Dalam enakmen yang sedia ada memperuntukkan, telur penyui boleh dijual kecuali telur belimbing. Kita

(negeri) sudah tidak ada pendaratan penyui belimbing ini sekitar tujuh tahun di negeri Terengganu.

"Yang masih ada naik penyui (spesis) agar sahaja. Jadi, bila kita sekat melalui enakmen kita penjualan telur penyui belimbing dia sudah tidak relevan. Sebab, penyui belimbing memang tidak naik lagi.

"Setakat ini, hanya di Terengganu sahaja telur penyui boleh dijual, menye-

habkan (orang) dari negeri-negeri lain jual di Terengganu. Jadi kita seperti jadi sasaran orang," ujarnya.

Menurut Dr Azman, Enakmen Pindaan 1987 itu sudah tidak praktikal lagi kerana peruntukan hukuman kesalahan yang terlalu ringan serta tidak mampu mencegahnya.

"Pemuliharaan penyui ini antara keutamaan kita (kerajaan). Sebab itu, yang kita

pinda juga kadar denda bagi kesalahan bunuh, menganggu penyui dan sebagainya. Sebab angka (pindaan) tahun 1987 itu sudah tidak praktikal lagi.

"Hukumannya seperti terlahir ringan dan tidak mampu untuk mencegah. Kita mahu supaya peruntukan-peruntukan di bawah Enakmen kita ini boleh bersifat sebagai pencegahan. Bila hukuman-hukuman agak tinggi

akan menakutkan orang yang hendak langgar," jelasnya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, berkata pematanaan sentiasa dilakukan terhadap penjualan telur penyui meskipun peraturannya mengizinkan.

"Kita (kerajaan) memang ada buat pemantauan dan memang orang tanya, Exco Pertanian (Dr Azman) tidak nampak ke telur penyui dijual di Pasar Payang? Saya jawab, saya nampak tetapi peraturan (sekarang) mengizinkan buat masa sekarang ini.

"Kita perlu pinda peraturan itu supaya tidak ditzinkan. Proses undang-undang akan mengambil sedikit masa tapi apa yang pentingnya, dia mesti dibuluskan terlebih dahulu pada Sidang DUN (Terengganu). Saya jangka akan mengambil masa dalam setahun juga untuk selesai. Kita mahu di negeri kita ini telur penyui tidak lagi dijual walaupun daripada mana dia datang," tegasnya.



Seramai 47 peserta projek tanaman MMT menerima sumbangan input pertanian daripada kerajaan negeri Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Zawawi mahu lahirkan ramai jutawan muda pertanian



Nik Muhammad Zawawi bersama pengamal media di Kelantan yang membuat kunjungan hormat ke pejabatnya di Pasir Puteh pada Ahad.

PASIR PUTEH - Ahli Parlimen Pasir Puteh, Dr Nik Muhammad Zawawi yang diberi mandat sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mahu melahirkan lebih ramai anak muda berstatus jutawan dalam bidang pertanian.

Nik Muhammad Zawawi berkata, hasrat itu mampu direalisasikan sekiranya berjaya menarik golongan muda khususnya lepasan universiti supaya berkecimpung dalam bidang pertanian moden.

"Saya cukup yakin dan percaya ilmu serta kemahiran yang ada pada anak-anak muda ini mampu dimanfaatkan sebaik mungkin dalam memacu bidang pertanian moden negara pada masa hadapan," katanya ketika ditemui pemberita di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pasir Puteh di sini pada Ahad.

Beliau berkata, penglibatan graduan lulusan universiti merupakan langkah terbaik dalam mengurangkan kebergantungan import makanan negara dari luar, sekali gus mampu menampung permintaan tempatan.

Ujarnya, kejayaan negara maju menjadikan industri pertanian dalam skala besar perlu dijadikan sebagai contoh terbaik.

Selain itu, beliau mahu mengubah persepsi sesetengah pihak bahawa para petani adalah kelas pertengahan dan miskin dengan menjadikannya sebagai industri seperti di negara maju.

"Tanah-tanah terbiar yang masih ada di negara ini sama ada milik kerajaan atau individu perlu dimanfaatkan sebaik mungkin menerusi aktiviti pertanian.

"Ia boleh diusahakan dengan pelbagai jenis tanaman jangka pendek," kata beliau.

Tambah Nik Muhammad Zawawi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) perlu merancang bukan untuk sekadar memastikan keperluan makanan dalam negara ini mencukupi, malah boleh dieksport ke negara luar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Manfaat ilmu di IPT maju sektor pertanian



PASIR PUTEH: Dato' Dr Nik Mohamad Zawawi Salleh yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) II komited berusaha menarik minat golongan muda terutama lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) menceburi bidang pertanian moden.

Beliau berkata, sekiranya mempunyai misi yang jelas mereka berpotensi menjadi jutawan.

Katanya, sudah sampai masanya lepasan IPT mengubah minda belajar tinggi semata-mata untuk bekerja dengan kerajaan.

“Ilmu dan kepakaran yang ada di dada mereka boleh dimanfaatkan untuk membangunkan sektor pertanian,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di Pusat Khidmat Parlimen Pasir Puteh di sini hari ini.

Dr Nik Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, mereka perlu mencontohi rakyat di negara-maju maju seperti di Amerika hidup kaya raya dengan bekerja sebagai peladang.

Kata beliau rakyat negara maju mengusahakan bidang pertanian secara komersial dan moden.

Beliau berkata, banyak peluang yang boleh diterokai termasuk mengusahakan tanah-tanah terbiar yang banyak di Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk ditanam pelbagai jenis tanaman jangka pendek.

“Di Kelantan banyak tanah beris di kawasan pantai boleh diusahakan dengan pelbagai tanaman yang sesuai seperti ubi keledek dan jagung.

“Manakala di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang pula sesuai dengan nanas dan sayur-sayuran. Mereka perlu menggunakan peralatan moden untuk menghasilkan pendapatan lumayan dan kerja lebih cepat,” katanya.

Menurutnya teknologi dron boleh dimanfaatkan untuk kerja-kerja meracun dan membaja tanaman yang diusaha dengan skala besar.

Katanya, mereka perlu merancang bukan untuk sekadar mencukupi hasil pertanian bagi keperluan keluarga, sebaliknya boleh dieksport ke luar negara.

“Ini secara tidak langsung dapat membantu kerajaan mengurangkan import bahan makanan dari luar negara yang jumlahnya berbilion ringgit setahun,” tambahnya. – HARAKHADAILY 29/8/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	BERNAMA	ONLINE	

Nik Muhammad Zawawi tetapkan misi tarik graduan ceburi sektor pertanian



PASIR PUTEH, 29 Ogos -- Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh yang dilantik Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mempunyai misi untuk menarik minat golongan muda terutama lepasan universiti menceburkan diri dalam bidang pertanian moden.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata dengan ilmu pengetahuan para graduan berkenaan, ia sekali gus dapat membangunkan sektor pertanian tempatan selain menjana pendapatan golongan berkenaan.

"Sudah sampai masanya golongan ini (graduan) mengubah minda generasi dahulu, semata-mata bekerja dengan kerajaan sebaik tamat pengajian di universiti memandangkan peluang menjana pendapatan melalui sektor ini (pertanian moden) dibuka seluas-luasnya oleh kerajaan sekarang," katanya ketika ditemui di Pusat Khidmat Parlimen Pasir Puteh di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata golongan muda juga perlu mencontohi peladang dan petani di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat yang berjaya memperoleh pendapatan lumayan dengan mengusahakan tanaman secara komersial mahupun moden.

Beliau berkata banyak peluang boleh diterokai di negara ini seperti mengusahakan tanah-tanah terbiar sama ada milik kerajaan atau individu antaranya di Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan pelbagai jenis tanaman jangka pendek.

"Seperti di Kelantan, banyak tanah beris di kawasan pantai boleh diusahakan dengan pelbagai tanaman yang sesuai seperti ubi keledek dan jagung, manakala di kawasan tanah tinggi Lojing, Gua Musang pula sesuai untuk tanaman nanas dan sayur-sayuran.

"Mereka cuma perlu menggunakan peralatan moden seperti membajak, menuai dan meracun dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk mempercepatkan hasil tanaman termasuk menghasilkan pendapatan lumayan," katanya.

Selain itu, beliau turut komited untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan daripada petani tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap bahan makanan yang diimport dari luar negara kerana ia menelan kos perbelanjaan mencecah bilion ringgit setahun.

"Golongan petani perlu merancang bukan sekadar mencukupi bagi keperluan makanan keluarga sahaja tetapi (hasil tanaman) boleh dieksport ke luar negara selain mencukupi untuk negara ini," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

Nik Muhammad Zawawi set to attract graduates to venture into agriculture



PASIR PUTEH (Aug 29): The incoming Deputy Minister II of Agriculture and Food Industry, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh is set on a mission to attract young people, especially university graduates, to venture into the field of modern agriculture.

The Pasir Puteh member of parliament is among the 31 ministers and 38 deputy ministers in the new Cabinet who will be taking their oath of office, loyalty and secrecy at

the Istana Negara tomorrow.

Nik Muhammad Zawawi said apart from generating income, the graduates can also develop the country's agricultural sector using their knowledge.

The time has come for the graduates to change the mindset perpetuated by previous generations who were only aspired to work in the government sector after they finished with their studies, as the current government has provided them with vast opportunities to generate income through this sector, he added.

He told reporters this when asked to comment about his mission as the new agriculture and food industry deputy minister II at his office today.

Nik Muhammad Zawawi said young people should also emulate farmers in developed countries such as the United States who have managed to earn a lucrative income by cultivating crops commercially.

He said Malaysia has an abundance of opportunities that young people can explore such as working on idle lands like in Kelantan, Terengganu, and Pahang to cultivate various short-term crops.

Besides that, he said he is also committed to increasing food production by local farmers to reduce dependency on food imports that cost billions of ringgit every year.

30 AUG, 2021

Misi tarik graduan ceburi sektor pertanian

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Misi tarik graduan ceburi sektor pertanian

Tekad Dr Nik Muhammad Zawawi yang dilantik Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

PASIR PUTEH: Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh yang dilantik Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mempunyai misi untuk menarik minat golongan muda terutama lepasan universiti menceburi diri dalam bidang pertanian moden.

Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, dengan ilmu pengetahuan para graduan berkenaan, ia sekali gus dapat membangunkan sektor pertanian tempatan selain menjana pendapatan golongan berkenaan.

"Sudah sampai masanya golongan ini (graduan) mengubah minda generasi dahulu, semata-mata bekerja dengan

kerajaan sebaik tamat pengajian di universiti memandangkan peluang menjana pendapatan melalui sektor ini (pertanian moden) dibuka seluas-luasnya oleh kerajaan sekarang," katanya ketika ditemui di Pusat Khidmat Parlimen Pasir Puteh di sini semalam.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata golongan muda juga perlu mencontohi peladang dan petani di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat yang berjaya memperoleh pendapatan lumayan dengan mengusahakan tanaman secara komersial mahupun moden.

Beliau berkata, banyak

peluang boleh diterokai di negara ini seperti mengusahakan tanah-tanah terbiar sama ada milik kerajaan atau individu antaranya di Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan pelbagai jenis tanaman jangka pendek.

"Seperti di Kelantan, banyak tanah beris di kawasan pantai boleh diusahakan dengan pelbagai tanaman yang sesuai seperti ubi keledek dan jagung, manakala di kawasan tanah tinggi Lojing, Gua Musang pula sesuai untuk tanaman nenas dan sayur-sayuran.

"Mereka cuma perlu menggunakan peralatan moden seperti membajak, menuai dan meracun dengan meng-

"Sudah sampai masanya golongan ini (graduan) mengubah minda generasi dahulu, semata-mata bekerja dengan kerajaan sebaik tamat pengajian di universiti memandangkan peluang menjana pendapatan melalui sektor ini (pertanian moden) dibuka seluas-luasnya oleh kerajaan sekarang."

Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

gunakan pelbagai teknologi untuk mempercepatkan hasil tanaman termasuk menghasilkan pendapatan lumayan," katanya.

Selain itu, beliau turut komited untuk meningkatkan pengeluaran bahan

makanan daripada petani tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap bahan makanan yang diimport dari luar negara kerana ia menelan kos perbelanjaan mencecah bilion ringgit setahun.

"Golongan petani perlu merancang bukan sekadar mencukupi bagi keperluan makanan keluarga sahaja tetapi (hasil tanaman) boleh dieksport ke luar negara selain mencukupi untuk negara ini," katanya. — Bernama



30 AUG, 2021

Misi tarik graduan ceburi sektor pertanian

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Tekad Dr Nik Muhammad Zawawi yang dilantik Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

PASIR PUTEH: Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh yang dilantik Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mempunyai misi untuk menarik minat golongan muda terutama lepasan universiti menceburkan diri dalam bidang pertanian moden. Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, dengan ilmu pengetahuan para graduan berkenaan, ia sekali gus dapat membangunkan sektor pertanian tempatan selain menjana pendapatan golongan berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2021	INFO RAKYAT TERKINI	ONLINE	

Misi tarik graduan ceburi sektor pertanian



PASIR PUTEH - Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh yang dilantik Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mempunyai misi untuk menarik minat golongan muda terutama lepasan universiti menceburkan diri-[SINARHARIAN](#) 8/29/2021, 3:30:00 PM